

Hala tuju kerajaan jelas: Najib

Rakyat diminta usah terpedaya dakyah pihak mahu tukar kerajaan

B/H 3/4/12 MS 2.

MOHD YUSNI ARIFFIN | BERITA HARIAN



www.pemandu.gov.my

Oleh Johari Ibrahim
joib@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak malam tadi memperincikan pencapaian Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan membawa mesej kerajaan pimpinannya sentiasa menepati janji dan meletakkan kepentingan rakyat di atas segala-galanya.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan pimpinannya bukan kerajaan populis semberono yang tidak bertanggungjawab dan tidak sekali-kali mahu membankrapkan negara dalam merangka sebarang dasar serta membelanjakan wang.

“Kita sudah dan akan sentiasa berterus-terang dengan rakyat mengenai apa kita mampu dan apa yang kita tidak mampu lakukan.

“Sebaliknya, amat mudah bagi sesetengah pihak untuk menjanjikan bulan, bintang dan cakerawala tanpa memikirkan kesannya,” katanya ketika membentangkan pencapaian GTP dan ETP yang disiarkan secara langsung menerusi semua saluran utama televisyen.

Berpaksikan falsafah ‘1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ yang digariskan Najib selepas mengambil alih kepimpinan negara tiga tahun lalu, tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah GTP dikenal pasti untuk dilaksanakan hasil maklum balas rakyat pada semua peringkat.

ETP pula membabitkan 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) berserta 131 Projek Permulaaan Ekonomi (EPP) yang dipacu Model Baru Ekonomi (NEM) dan Jajin Inisiatif Pembaharuan Stra-



NAJIB dan Muhyiddin melihat laporan tahunan GTP dan ETP selepas membentangkan pencapaian GTP dan ETP, di Kuala Lumpur, malam tadi.

tegik (SRI) dengan meletakkan hala tuju jelas ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Selain menangani kos sara hidup dan mengurangkan jenayah, NKRA turut memfokus kepada peningkatan pencapaian pelajar, membaiki kemudahan asas luar bandar, mempertingkatkan pengangkutan awam bandar, meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah dan membanteras rasuah.

Perdana Menteri berkata, matlamat utama ETP dan NEM adalah mengeluarkan Malaysia daripada perangkap negara berpendapatan sederhana dan meletakkan negara di landasan betul bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

“Untuk analogi, NEM dan SRI bolehlah diibarat sebagai lebuhraya, manakala ETP adalah kenderaan yang menggunakan lebuhraya membawa kita ke destinasi akhir, iaitu sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

“Dua belas NKEA di bawah ETP pula ialah bahagian enjin kepada kenderaan berkenaan dan EPP ialah bahan api yang akan mengge-

rakkan kenderaan ini. Untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju, semua komponen termasuk kenderaan, enjin, bahan api dan lebuhraya hendaklah berada dalam keadaan terbaik.

“Namun, saya ingin mengingatkan, kita juga memerlukan pemandu yang cekap supaya dapat menggabungkan jalinkan segala faktor yang ada bagi memastikan kenderaan tiba ke destinasi pada masa yang ditentukan dengan selamat.

“Oleh itu, janganlah kita bereksperimen untuk menukar pemandu yang terbukti kebolehannya, di tengah-tengah jalan untuk digantikan dengan pemandu yang diragui dan berbahaya,” katanya.

Sehubungan itu, Najib mengingatkan rakyat supaya jangan sekali salah membuat pilihan, sebaliknya hendaklah berhati-hati dengan tukang karut melipurlara.

“Mereka ini hanya pandai berjanji tapi tidak pernah mengotainya. Mereka tidak pernah konsis-

ten antara amalan dan retorik yang dilaungkan.

“Sesungguhnya, masa depan kita dan anak bergantung pada keputusan hari ini. Kesimpulannya, kerajaan hari ini adalah kerajaan bertanggungjawab, kerajaan beramalan dan paling penting kerajaan insentiasa menepati janji,” katanya.

Malah, katanya, pembentangan pencapaian GTP dan ETP jelas membuktikan sikap keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan.

“Kerajaan ini berterus-terang dengan rakyat mengenai masalah dan cabaran yang sedang dihadapi negara dan kita telah merangka pelan menyeluruh bagi menangani segala cabaran yang dikenal pasti.

“Segala prakarsa di bawah panyang Dasar Transformasi Nasional dirangka dengan bersebab dan bermatlamat. Pucuk pangkalnya, kerajaan hari ini jelas mengenai hala tuju yang ingin dibawa negara, iaitu menuju sebuah negara maju berpendapatan tinggi,” katanya.

Transformasi pacu kejayaan negara

B/14 3/4/12 MS 16.

Kepelbagaian kita miliki sumber kekuatan, bukan kelemahan


Rakyat Malaysia sekalian,

CERITERA kejayaan Malaysia adalah ceritera yang ditinta emas. Ia dilakar oleh sumbangan semua rakyat Malaysia dari Perlis hinggalah ke Sabah. Hakikatnya, ia hasil sumbangan warga 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan yang walaupun dipisahkan secara fizikalnya oleh Laut China Selatan, namun disatukan roh dan semangatnya oleh kehendak untuk hari ini yang lebih baik daripada hari semalam dan hari esok yang penuh dengan harapan di bawah lembayung kibaran jalur gemilang.

Kejayaan ini hasil sumbangan usahawan kecil, sederhana dan besar yang berani mengambil risiko, ia hasil sumbangan petani, pesawah, pekebun, peladang, penternak dan nelayan yang gigih menggunakan kudrat, ia hasil sumbangan guru, pensyarah, wartawan, karyawan dan cendekiawan yang mendidik serta memberi kesedaran, ia hasil pengorbanan anggota tentera dan polis yang setia mempertahankan jiwa dan raga demi keselamatan negara tercinta, ia hasil sumbangan penjawat awam, pekerja swasta, pekerja kolar putih, biru dan buruh yang menjadi roda yang menggerakkan pembangunan negara, pendek kata kejayaan nasional adalah kejayaan yang dibina semua warga Malaysia.

Tugas kita hari ini sebagai generasi baru Malaysia yang mewarisi watan daripada generasi terdahulu teramat berat, kita dipanggil seboyang pertiwi bagi meneruskan tugas mulia membina negara bangsa Malaysia.

Kita berdiri di atas bahu patriot negara, bahu gergasi bapa pengasas Malaysia. Kita berhadapan dengan amanah dan cabaran bagaimana membina di atas kejayaan sedia ada di samping meneruskan proses perubahan dan pembaha-



NAJIB berucap pada Pelancaran Laporan GTP/ETP 2011 di Angkasapuri, Kuala Lumpur, malam tadi.

ruan nasional.

Tiga tahun lalu, saya berdiri di hadapan tuan-tuan, puan-puan, saudara dan saudari bagi menyampaikan ucapan sulung saya selaku Perdana Menteri Malaysia keenam.

Di dalam ucapan sulung berkenaan, saya menggariskan prinsip yang akan memandu hala tuju kerajaan pimpinan saya dalam bergerak ke hadapan, prinsip yang dimaksudkan ialah 1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Falsafah asas yang saya dan rakan pilih menjadi teras kerajaan ini, ialah falsafah yang merai dan menuil kemajmukan masyarakat Malaysia yang sedia ada. Ia menjunjung harapan mereka untuk membentuk masa hadapan lebih baik. Falsafah ini terbentuk hasil daripada proses merasai denyut nadi rakyat, menggarap aspirasi

serta mendengar keluh kesah mereka.

Ia dibentuk bagi menangani tiga cabaran utama era globalisasi dan era dunia tanpa sempadan, iaitu pertama, dalam mengukuhkan perpaduan masyarakat majmuk Malaysia. Kedua, bagi membentuk sistem penyampaian kerajaan yang lebih mendakap aspirasi rakyat dan ketiga, mengeluarkan Malaysia daripada perangkap gejala negara berpendapatan sederhana yang melanda banyak negara lain di dunia, di mana kadar pertumbuhan semakin perlahan dan pembangunan menjadi statik malahan dalam kes yang ekstrem ia mula menjadi regresif.

Rakyat Malaysia yang dihormati,

Sebarang perubahan dan pembaharuan yang ingin kita bawa, wajib berasaskan premis bahawa

sebagai negara yang majmuk survival kita bergantung pada keberterusan keutuhan perpaduan nasional yang didasarkan kepada keyakinan bahawa kepelbagaian yang kita miliki adalah sumber kekuatan, bukannya kelemahan.

Kita perlu memanfaatkan bakat yang terbaik dari kolam bakat kebangsaan bagi membangunkan negara serta menambah kekayaan nasional tanpa mengira ras dan kepercayaan penyumbang berkenaan. Perkiraan pertama dan terakhir seharusnya adakah mereka warga negara yang mampu menyumbang.

Sepanjang lipatan sejarah pembangunan negara Malaysia, dari sebuah negara pertanian berpendapatan rendah kepada negara perindustrian berpendapatan sederhana tinggi, ia menyaksikan sumbangan mereka yang datang dari semua kaum dan semua kepercayaan.

Menjadi keyakinan yang saya nyatakan secara terbuka bahawa era kerajaan mengetahui segala-galanya, era kerajaan memiliki monopoli terhadap kebijaksanaan sudah berakhir. Menginsafi hakikat ini, dalam menggubal kompenen pertama Dasar Transformasi Nasional, iaitu Program Transformasi Kerajaan atau GTP, kita mewujudkan makmal khusus bagi mendapat maklum balas daripada rakyat, mengenai apakah yang sebenarnya menjadi urutan keutamaan mereka.

Hasil daripada merundingi rakyat, sebanyak tujuh bidang keberhasilan utama atau NKRA dikenal pasti untuk dilaksanakan. Bagi memastikan pencapaian KPI di bawah NKRA ini akan mampu dicapai mengikut jadual atau lebih pantas, maka kerajaan mengambil keputusan untuk menggunakan strategi lautan biru kebangsaan

● SAIRIEN NAFIS | BERITA HARIAN

Kerajaan prihatin rangka pelan sejahterakan rakyat

B/H 3/4/12
MS 17.

Lebih RM30b setiap tahun untuk subsidi kurangkan bebanan hidup

» DARI MUKA 16

atau 'national blue ocean strategy' di dalam beberapa NKRA.

Pada malam ini, genaplah tiga tahun pentadbiran saya. Saya berdiri pada malam ini bagi melaporkan kepada tuan-tuan dan puan-puan apa yang kita capai setelah perencanaan yang rapi dan pelaksanaan yang berstrategi.

NKRA yang diberi keutamaan, adalah untuk menangan kos sara hidup. Kerajaan prihatin bahawa rakyat terhimpit akibat tekanan kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat. Ia melanda bukan saja penduduk bandar tetapi juga penduduk luar bandar. Hakikatnya, semua segmen warga negara terkesan olehnya. Bagi meringankan bebanan ini, kerajaan merangka pelan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menanganinya.

Antara langkah jangka pendek bersifat 'one off' yang dilaksanakan bagi 2012 ialah Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M, sebanyak RM500 yang memanfaatkan hampir empat juta isi rumah negara berpendapatan di bawah RM3,000.

Tidak cukup dengan bantuan

atau PR1MA untuk membina perumahan mampu milik di kawasan bandar bagi golongan pertengahan, manakala untuk golongan berpendapatan rendah skim seperti Projek Perumahan Rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan ditingkatkan lagi.

Bagi perumahan kawasan luar bandar, pembinaan rumah yang mencukupi diterajui oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Kerajaan juga tidak melupakan perumahan bagi golongan nelayan. Bagi tahun ini sebanyak RM300 juta diperuntukkan di bawah Tabung Khas Perumahan Nelayan untuk membina dan membaik pulih rumah.

Selain semua inisiatif di atas, kerajaan juga komited untuk meneruskan dasar subsidi yang terpilih membabitkan makanan seperti beras, gula, minyak masak dan tepung gandum, hasil petroleum termasuk minyak kereta, diesel dan gas memasak.

Kerajaan juga memberikan subsidi bil elektrik bagi satu juta isi rumah membabitkan bil bernilai RM20 ke bawah. Segala subsidi ini membabitkan peruntukan seba-



NAJIB bersama timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan anggota Kabinet yang lain menunjukkan jari simbol 1Malaysia pada Pelancaran Laporan GTP/ETP 2011 di Angkasapuri, Kuala Lumpur, malam tadi.

bawah strategi lautan biru ini juga rondaan bersama anggota polis dan tentera serta anggota RELA dan Jabatan Pertahanan Awam yang dilatih khusus serta dikawal selia oleh pihak PDRM dilaksanakan bagi tujuan pencegahan jenayah. Sebagai sebahagian daripada langkah mengurangkan kadar jenayah ini juga, teknologi inovatif dan moden seperti pemasangan CCTV akan di tingkat luaskan.

Ketiga, NKRA yang bermatlamat meningkatkan pencapaian pelajar.

Buat pertama kalinya dalam sejarah negara, pendidikan peringkat rendah dan menengah adalah percuma. Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan besar setiap tahun untuk bidang pendidikan. Hasilnya, 77

dua tahun. Sebagai perbandingan, panjangnya melebihi Lebuh Raya Utara-Selatan sedia ada.

Menggunakan strategi lautan biru, Angkatan Tentera Malaysia melalui Projek Jiwa Murni telah membantu dalam pembinaan jalan luar bandar ini. Contohnya, Long Loping ke Ba'kelalan, Kuala Medalam ke Medamit, Limbang dan Kampung Saeh, Bekenu, Miri.

Sejak pelaksanaan NKRA ini tiga tahun lalu, sebanyak 27,000 lagi isi rumah luar bandar mendapat nikmat bekalan elektrik dan lebih 70,000 lagi isi rumah pula mendapat bekalan air bersih.

Hasil langkah ini meningkatkan akses rakyat Malaysia kepada air bersih. Bagi negeri Sabah peningkatan membabitkan lapan peratus membabitkan lebih 150,000 pendu-



Antara langkah jangka pendek bersifat 'one off' yang dilaksanakan bagi 2012 ialah Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M, sebanyak RM500 yang memanfaatkan hampir empat juta isi rumah negara berpendapatan di bawah RM3,000

BKRM, kerajaan juga memberikan bantuan persekolahan RM100 untuk setiap pelajar sekolah rendah dan menengah. Bantuan ini memanfaatkan 5.3 juta pelajar sekolah di seluruh negara.

Bagi pelajar institusi pengajian tinggi dan Tingkatan Enam pula, mereka tidak dilupakan. Baucar buku bernilai RM200 disediakan yang memanfaatkan 1.3 juta pelajar. Semua bantuan ini membabitkan peruntukan hampir RM3 bilion.

Kerajaan juga baru-baru ini mengumumkan kenaikan gaji 7 hingga 13 peratus bagi 1.4 juta kakitangan sektor awam yang memanfaatkan hampir empat juta rakyat Malaysia, manakala bagi sektor swasta, saya akan mengumumkan pelaksanaan gaji minimum pada akhir bulan ini.

Untuk langkah jangka sederhana, kerajaan memperkenalkan beberapa prakarsa bagi mengurangkan tekanan kos hidup antaranya, Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia serta pembekuan kenaikan untuk tempoh lima tahun bayaran tol di Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur serta penghapusan tol di beberapa laluan seperti di Lebuhraya Cheras-Kajang dan Lebuhraya Connaught.

Untuk tempoh jangka panjang, menyadari bahawa perumahan adalah komponen terbesar kos sara hidup, maka kerajaan memperkenalkan Skim Perumahan 1Malaysia

nyak lebih RM30 bilion setahun.

Kerajaan yang sedia ada ialah kerajaan berkeadilan dan bertanggungjawab. Pengurusan ekonomi serta hasil secara berhemat memungkinkan lebih RM30 bilion diperuntukkan setiap tahun untuk subsidi secara langsung bagi mengurangkan bebanan hidup rakyat serta hampir RM3 bilion untuk berian terus bagi 2012.

Kedua, NKRA yang bermatlamat mengurangkan kadar jenayah.

Kerajaan mengambil langkah inovatif dan kreatif melalui strategi lautan biru (national blue ocean strategy) untuk meningkatkan jumlah anggota polis terutama di kawasan panas. Strategi ini nyata berkesan di mana kadar jenayah jalaran berjaya dikurangkan sebanyak 39 peratus, manakala jenayah keseluruhan berkurangan sebanyak 11 peratus semenjak 2009.

Usaha mengurangkan kadar jenayah jalaran menyaksikan era baru kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), di mana pusat latihan tentera sedia ada dimanfaatkan untuk melatih juga anggota polis.

Kesannya, dengan kos yang minimum lebih banyak anggota polis boleh dilatih dengan kadar lebih pantas, seterusnya diatur gerak ke kawasan yang memerlukannya. Di

peratus daripada anak kita mendapat peluang mengikuti pembelajaran peringkat prasekolah berbanding 67 peratus, dua tahun lalu.

Kerajaan menyedari anak ialah permata negara. Pendidikan seawal mungkin menjamin mereka mendapat kelebihan persaingan dalam kehidupan masa depan.

Kerajaan juga menyedari pentingnya peranan guru dalam memastikan sistem pendidikan berkualiti. Menyedari hakikat itu, saya pun mengumumkan laluan karier perguruan yang lebih baik berasaskan sistem kenaikan pangkat 'time based' dalam Bajet 2012 dan mengumuhkan jaminan penerusan komitmen berkenaan dalam ucapan saya kepada anggota perkhidmatan awam baru-baru ini.

Keempat, NKRA yang bermatlamat mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar.

Kerajaan tidak pernah melupakan penduduk luar bandar. Keprihatinan kerajaan ini terbukti apabila pada 1959 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ditubuhkan. Sejak tiga tahun lalu, usaha untuk mempertingkatkan kemudahan asas luar bandar diberikan nafas baru dengan penekanan ke Negeri Sabah dan Sarawak.

Setakat ini, hampir 1,000 kilometer jalan luar bandar sudah dibina. Dalam sejarah negara, ini adalah jumlah kilometer jalan terpanjang yang pernah dibina dalam tempoh

membabitkan lebih 100,000 penduduk. Bagi negeri Sarawak, peningkatan ialah sebanyak 5.3 peratus membabitkan lebih 100,000 penduduk, manakala bagi negeri-negeri di Semenanjung, peningkatan ialah sebanyak 3.6 peratus yang membabitkan lebih 250,000 penduduk. Bagi bekalan elektrik pula, negeri Sabah dan Sarawak menunjukkan peningkatan sebanyak 6.8 peratus dan 6.2 peratus, yang memanfaatkan lebih daripada 230,000 penduduk.

Bagi merencanakan lagi pembangunan luar bandar, kerajaan melancarkan Program Transformasi Luar Bandar sebagai sebahagian daripada Dasar Transformasi Nasional. Di bawah program ini, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) telah dan bakal didirikan.

Pusat RTC pertama dilancarkan di Gopeng, Perak, manakala RTC yang berikutnya akan dilancarkan di Kota Bharu dan beberapa lokasi yang dikenal pasti.

Kelima, NKRA yang bermatlamat mempertingkatkan pengangkutan awam bandar.

Bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat terutama di kawasan bandar, kerajaan akan melaksanakan beberapa projek besar pengangkutan awam. Projek paling utama ialah projek MRT yang merupakan projek pengangkutan awam bandar jangka panjang paling kom-



Kerajaan juga memberikan subsidi bil elektrik bagi satu juta isi rumah membabitkan bil bernilai RM20 ke bawah. Segala subsidi ini membabitkan peruntukan sebanyak lebih RM30 bilion setahun



Setakat ini, hampir 1,000 kilometer jalan luar bandar sudah dibina. Dalam sejarah negara, ini adalah jumlah kilometer jalan terpanjang yang pernah dibina dalam tempoh dua tahun



Usaha perangi kemiskinan secara sistematik

Pembaharuan melalui inisiatif ETP, NEM tunjukkan hasil memberangsangkan

DARI MUKA 17

prehensif dalam sejarah pengangkutan awam negara. Fasa pertama projek ini dijangka siap dalam tempoh lima tahun akan datang.

Sementara itu, kerajaan sudahpun mengambil tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan LRT dengan penambahan dari gerabak dua koc kepada gerabak empat koc, dan pemanjangan kedua-dua laluan Kelana Jaya dan Ampang Jaya. Pemanjangan kedua-dua laluan ini dijangka memanfaatkan lebih 500,000 pengguna sehari ketika waktu puncak.

Bagi perkhidmatan komuter KTM pula, koc baru sudah pun dibeli dan akan diperoleh secara berperingkat. Ini akan meningkatkan mutu dan keselesaan perkhidmatan komuter. Langkah ini dijangka meningkatkan keselesaan kepada hampir 100,000 pengguna harian.

KTM juga kini dalam proses mempersiapkan laluan berkembar dan proses elektrifikasi laluan Ipoh-Padang Besar.

Di bawah NKRA ini juga, kerajaan telah memperkenalkan Bas Ekspresway Transit (BET) yang memanfaatkan 370,000 pengguna setiap hari.

Keenam, NKRA yang bermat-

nubuhkan mahkamah khas bagi mempercepatkan perbicaraan kes rasuah, manakala badan penguatkuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditingkatkan upaya dengan secukupnya.

Selain GTP yang diperkenalkan pada 2009, kerajaan juga pada 2010 memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bersama-sama 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) serta 131 Projek Permulaan Ekonomi (EPP). Melengkapinya ialah Model Baru Ekonomi (NEM) serta lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Matlamat utama ETP dan NEM adalah untuk mengeluarkan Malaysia daripada perangkap negara berpendapatan sederhana dan meletakkan negara di landasan betul, bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Untuk analogi, NEM dan SRI bolehlah diibaratkan sebagai lebuhraya, manakala ETP merupakan kenderaan yang menggunakan lebuhraya membawa kita ke destinasi akhir, iaitu sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

12 NKEA di bawah ETP ialah bahagian enjin kepada kenderaan berkenaan, manakala EPP ialah bahan api atau 'fuel' yang akan menggerakkan kenderaan ini. Untuk Ma-

deks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing bagi 2012.

Ketika ETP dilancarkan dua tahun lalu, pendapatan perkapita negara adalah AS\$6,700. Hari ini, ia meningkat kepada AS\$9,700, manakala data 2011 menunjukkan pencapaian tertinggi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau GDP serta Pendapatan Negara Kasar (PNK) atau GNI negara sejak merdeka.

Angka KDNK mencecah RM852.7 bilion manakala PNK pula RM830.7 bilion. Pencapaian ini membolehkan kerajaan mengutip jumlah hasil tertinggi dalam sejarah pasca merdeka iaitu RM185.54 bilion membolehkan pelbagai inisiatif dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat di samping langkah diambil bagi memperbaiki kedudukan fiskal kerajaan.

Terbukti apa yang dicapai dalam kerangka waktu ini, menunjukkan kita berada di trajektori yang betul untuk mencapai pendapatan perkapita AS\$15,000 pada 2020.

Sejak pelancaran ETP pada 2010, sehingga akhir 2011, pelaburan langsung asing meningkat sebanyak 12.3 peratus kepada RM33 bilion, manakala pelaburan swasta pula menunjukkan peningkatan sebanyak 19 peratus kepada RM94 bilion.

Sebanyak 313,000 peluang peker-

segala cabaran yang dikenal pasti.

Segala prakarsa di bawah payung Dasar Transformasi Nasional dirangka dengan bersebab dan bermatlamat. Pucuk pangkalnya, kerajaan hari ini jelas mengenai hala tuju yang ingin dibawa negara, iaitu menuju sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Kita dambakan sebuah negara yang memiliki prasarana asas moden yang dapat dinikmati semua warga Malaysia sama ada di pedalaman, luar bandar, pinggir bandar mahupun di bandar. Kita impikan sebuah negara di mana persekitarannya sejahtera daripada jenayah, alam sekitarnya bersih dan sistem pengangkutan awamnya cekap.

Kita menginginkan sebuah negara di mana jalan rayanya selamat, bekalan airnya bersih, bekalan elektrik, akses kepada internet jalur lebar, perkhidmatan kesihatan dan pendidikannya adalah yang terbaik.

Kita mahukan sebuah negara di mana pekerjaannya terutama generasi muda mendapat peluang pekerjaan yang upahnya setimpal, di mana gaji minimum berada di atas paras kemiskinan, serta semakin tinggi kemahiran yang dimiliki maka semakin tinggi pula gajrannya.

Kerajaan hari ini tidak takut untuk bersaing dalam gelanggang demokratik. Bukankah kerajaan ini

Matlamat utama ETP dan NEM adalah untuk mengeluarkan Malaysia daripada perangkap negara berpendapatan sederhana dan meletakkan negara di landasan betul, bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju

Kita menginginkan sebuah negara di mana jalan rayanya selamat, bekalan airnya bersih, bekalan elektrik, akses kepada internet jalur lebar, perkhidmatan kesihatan dan pendidikannya adalah yang terbaik

Matlamat mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah.

Perang terhadap kemiskinan dilancarkan secara sistematik dan berterusan sejak kemerdekaan lagi. Ia dilaksanakan secara lebih saintifik bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990). Matlamat kedua DEB adalah untuk mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan. Alhamdulillah, kita berjaya membasmi kemiskinan tergar apabila kita mengeluarkan lebih 44,000 isi rumah daripada kategori berkenaan. Namun, kita tetap waspada terhadap kes baru yang mungkin berlaku.

Kerajaan juga melaksanakan pelbagai inisiatif, seumpama akhiri zaman miskin atau 1AZAM yang memberi nikmat kepada lebih 47,000 isi rumah membabitkan perbelanjaan lebih RM500 juta, manakala di bawah program Kebajikan Rakyat 1Malaysia atau KARISMA pula sebanyak RM1.4 bilion diperuntukkan setiap tahun kepada 500,000 penerima bantuan kebajikan masyarakat seluruh negara.

Ketujuh, NKRA yang bermatlamat membanteras rasuah.

Kerajaan komited bagi membanteras gejala rasuah. Jenayah rasuah adalah ibarat barah kepada kelangsungan dan pembangunan negara. Ia mampu memusnahkan keharmonian rakyat. Kerajaan tidak pernah pilih kasih dalam usaha memerangi rasuah. Tidak timbul soal bahawa tindakan hanya akan diambil terhadap 'ikan bilis' manakala 'ikan jerung' dibiarkan terlepas bebas.

Sehingga akhir 2011, sebanyak 900 pesalah rasuah disabitkan kesalahan. Kerajaan sudah pun me-

laysia menjadi sebuah negara maju, semua komponen termasuk kenderaan, enjin, bahan api dan lebuhraya hendaklah berada dalam keadaan terbaik.

Perubahan dan pembaharuan yang kita lakukan melalui inisiatif ETP dan NEM sepanjang dua tahun lalu menunjukkan hasil amat memberangsangkan. Contohnya, laporan Forum Ekonomi Dunia bagi 2012 menyaksikan Malaysia naik lima anak tangga dalam senarai daya saing ekonomi dunia berbanding tahun sebelumnya.

Malaysia hari ini adalah antara 21 negara paling kompetitif ekonominya di dunia, manakala, Bank Dunia di dalam laporannya 'Doing Business 2012' pula mengiktiraf Malaysia sebagai negara ke-18 paling mudah memulakan atau menjalankan urusan niaga.

Kita memintas negara maju seperti Jerman, Jepun, Taiwan dan Perancis. Syarikat perunding A T Kearney juga mengiktiraf Malaysia sebagai 10 negara teratas dalam In-

jaan baru dengan dapat dicapainya daripada keseluruhan RM179 bilion nilai pelaburan yang diumumkan di bawah ETP. Sebanyak RM129 bilion pendapatan negara kasar pula dijangka dapat dijana menjelang 2020.

Bagi menambah kukuh kewibawaan dan keutuhan perancangan hasil pelaksanaan program transformasi kerajaan, khususnya GTP dan ETP, satu proses audit dijalankan oleh firma antarabangsa, Price Waterhouse Coopers, dengan disemak oleh sebuah panel antarabangsa yang dianggotai oleh pakar berwibawa antaranya dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, serta Korea Selatan.

Segala yang saya bantangkan sebentar tadi adalah bukti jelas sikap keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan yang ada. Kerajaan ini telah berterus terang dengan rakyat Malaysia mengenai masalah dan cabaran yang sedang dihadapi negara dan kita telah merangka plan menyeluruh bagi menangani

yang memansuhkan ISA, Akta Kediaman Terhad, Akta Buang Negeri, membatalkan tiga perisytiharan darurat, menggubal Akta Perhimpunan Aman bagi melindungi hak rakyat untuk berhimpun dan bersuara seperti yang dijamin Perlembagaan Persekutuan.

Selanjutnya meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti bagi mengiktiraf hak perlembagaan pelajar untuk menganggotai parti politik, serta meminda Akta Pelesenan dan Mesin Cetak bagi menghapuskan keperluan pembaharuan lesen tahunan penerbitan.

Hakikatnya, kerajaan hari ini dipilih secara demokratik di dalam pilihan raya umum yang bebas dan adil. Oleh itu, kita tidak sekali-kali takut mahupun gentar bersaing dalam pasaran idea yang bebas dan kompetitif.

Kita mempunyai penuh keyakinan terhadap kebijaksanaan rakyat Malaysia memilih dan meneraca. Mereka tahu menilai yang mana intan yang mana kaca. Kita percaya rakyat akan memilih kerajaan yang mempunyai 'track record' yang meletakkan kepentingan rakyat di atas segala-galanya.

Kerajaan yang saya pimpin bukan kerajaan populis semberono yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan ini di dalam merangka sebarang dasar, di dalam membelanjakan wang negara tidak akan sekali-kali meranap mahu membangkrapkan negara.

Kita telah dan akan sentiasa berterus terang dengan rakyat mengenai apa yang kita mampu dan apa yang kita tidak mampu lakukan, sebaliknya amat mudah bagi setengah pihak untuk menjanjikan bulan, bintang dan cakerawala tan-

pa memikirkan kesannya.

Perjalanan nasional ke arah cita-cita kebangsaan sebuah negara maju hanya tinggal lapan tahun lagi untuk dicapai. Seperti yang saya analogikan sebentar tadi, untuk menuju matlamat nasional kita memerlukan kenderaan berprestasi tinggi, komponen enjin berkualiti, bahan api mencukupi, destinasi yang jelas dan lebuhraya terbaik.

Namun, saya ingin mengingatkan, kita juga memerlukan pemandu yang cekap supaya dapat menggabungkan jalinkan segala faktor yang ada bagi memastikan kenderaan tiba ke destinasi pada masa yang ditentukan dengan selamat.


Oleh itu, janganlah kita bereksperimen untuk menukar pemandu yang terbukti kebolehannya, di tengah-tengah jalan, untuk digantikan dengan pemandu yang diragui dan berbahaya.

Oleh yang demikian, jangan sekali-kali kita salah membuat pilihan. Berhati-hatilah dengan tukang karut yang melipur lara. Mereka ini hanya pandai berjanji tapi tidak pernah mengotainya. Mereka tidak pernah konsisten antara amalan dan retorik yang dilayangkan.

Makanya, berwaspadalah dengan alunan muzik oleh peniup seruling yang tampak indah tapi penuh dengan persona dan perdaya.

Sesungguhnya, masa depan kita dan anak kita bergantung pada keputusan hari ini. Kesimpulannya, kerajaan hari ini adalah kerajaan bertanggungjawab, kerajaan beramanah dan paling penting kerajaan ini sentiasa menepati janji.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ORANG ramai memberi tumpuan mendengar ucapan Najib.